

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN
[KALABAKAN]**

TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan strategi yang telah dirangka bagi mewujudkan sesi pembelajaran dan pengajaran fizikal berfokus mengikut subjek bagi calon-calon SPM dan STPM yang bersekolah di kawasan luar bandar yang masih belum divaksinasi, dan kerjasama bersama JKJAV dalam mempercepatkan vaksinasi buat golongan pendidik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited untuk memastikan calon peperiksaan awam tahun 2021 dapat membuat persediaan secukupnya walaupun berhadapan dengan situasi pandemik COVID-19 yang sangat mencabar.

KPM telah mengumumkan bahawa sekolah dibuka untuk pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka mulai 3 Oktober 2021 bagi negeri kumpulan A dan 4 Oktober 2021 bagi negeri kumpulan B. Pembukaan sekolah akan dibuat secara berperingkat mengikut fasa dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) dengan memberi keutamaan kepada murid kelas peperiksaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengambil kira bahawa Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Remaja (PICK Remaja) sedang

dalam pelaksanaan, pada masa ini murid dibenarkan ke sekolah tanpa mengambil kira status vaksinasi mereka. KPM sentiasa memantau kadar vaksinasi dalam kalangan murid dan memastikan PICK Remaja dapat dilaksanakan dengan teratur dan lancar. Sehingga 8 Oktober 2021, seramai 355,708 murid berumur 17 tahun (95.7 peratus) telah divaksin sekurang-kurangnya satu dos, manakala seramai 45,332 murid berumur 17 tahun (12.2 peratus) telah menerima vaksin lengkap. Selain itu, seramai 138,656 murid berumur 18 tahun (97.2 peratus) telah divaksin sekurang-kurangnya satu dos, manakala seramai 121,220 murid berumur 18 tahun (85.0 peratus) telah menerima vaksin lengkap.

Sebagai usaha melindungi kesihatan dan keselamatan murid yang kembali ke sekolah secara bersemuka, KPM telah mengambil beberapa ketetapan bagi mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat. KPM menetapkan bahawa hanya guru dan anggota kumpulan pelaksana (AKP) yang lengkap divaksin sahaja dibenarkan untuk melaksanakan PdP di dalam kelas dan berinteraksi dengan murid. Selain itu, hanya pekerja perkhidmatan sokongan (PPS) yang lengkap divaksin sahaja dibenarkan memasuki dan bekerja di dalam kawasan sekolah.

KPM memantau rapi kadar vaksinasi warga sekolah yang layak divaksin. Sehingga 7 Oktober 2021, seramai 393,096 orang guru (95.1 peratus) telah lengkap divaksin. Daripada jumlah ini, seramai 86,738 orang guru (97.3 peratus) yang mengajar Tingkatan Lima dan Tingkatan Enam telah lengkap divaksin. Manakala, seramai 62,248 orang AKP (92.9 peratus) telah lengkap divaksin. Selain daripada itu, seramai 95,396 orang PPS (81.1 peratus) melibatkan pekerja kawalan keselamatan, kebersihan, dewan makan, kantin sekolah dan pemandu van sekolah telah lengkap divaksin. KPM sentiasa bekerjasama rapat dengan Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) bagi memastikan kadar vaksinasi dalam kalangan guru, AKP dan PPS dapat terus ditingkatkan.

Di samping itu, KPM telah menyediakan Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah 3.0 sebagai rujukan kepada jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan pentadbir serta guru di sekolah bagi memastikan kelancaran pengoperasian sekolah.

Berdasarkan garis panduan ini, KPM mewajibkan pemakaian pelitup muka kepada semua warga sekolah, termasuk murid. Murid yang bergejala tidak dibenarkan hadir ke sekolah bagi mengelakkan risiko jangkitan dalam kawasan sekolah. Semua sekolah perlu memastikan pengudaraan yang baik di dalam kelas. Murid akan makan di dalam kelas semasa waktu rehat dengan seliaan guru. Bagi kelas yang menggunakan penyaman udara pula, murid perlu makan di ruang terbuka dengan seliaan guru.

Pada masa yang sama, prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh KKM seperti kerap mencuci tangan, saringan suhu badan serta penjarakan fizikal akan terus dilaksanakan di dalam sekolah.

KPM menyedari bahawa sesi persekolahan secara bersemuka untuk tahun 2020 dan tahun 2021 tidak dapat dilaksanakan seperti mana kebiasaan. Justeru, KPM telah membuat ketetapan untuk melanjutkan sesi persekolahan tahun 2021 sehingga bulan Februari 2022. Pelanjutan sesi persekolahan ini membolehkan guru dan pihak sekolah merancang serta melaksanakan intervensi, pengukuhan dan pengayaan secara intensif, termasuklah kepada calon SPM dan STAM 2021. Pelanjutan ini juga, akan memberi peluang kepada calon SPM dan STAM 2021 untuk membuat persediaan rapi bagi menghadapi peperiksaan.

KPM yakin bahawa usaha-usaha ini akan dapat memastikan calon peperiksaan SPM, STAM dan STPM 2021 mempunyai ruang dan peluang untuk membuat persiapan rapi sebelum menduduki peperiksaan.